

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MANIVANAN A/L GOWINDASAMY
[KAPAR]**

TARIKH : 19 JUN 2014

RUJUKAN : 6928

SOALAN:

Tuan Manivanan a/l Gowindasamy [Kapar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

(a) jumlah kes kemalangan kenderaan berat merangkumi lori dan bas yang melibatkan pemandu yang dikesan positif dadah pada tahun 2012, 2013 dan setakat lima bulan pertama tahun 2014 ini; dan

(b) langkah-langkah proaktif yang diambil oleh Kementerian, selain daripada operasi bersepadu Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), bagi mengesan dan mengambil tindakan berat terhadap pemandu yang mengambil dadah bagi mengelakkan kemalangan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjawab soalan (a), statistik kemalangan yang membabitkan kenderaan berat seperti bas dan kenderaan muatan besar bagi tahun 2012, 2013 dan 2014 (sehingga April) seperti berikut:-

| JENIS KENDERAAN | 2012 | 2013 | 2014 (JAN – APR) |
|------------------------|-------|-------|------------------|
| BAS | 8505 | 10123 | 2958 |
| KENDERAAN MUATAN BESAR | 24181 | 15518 | 4859 |

Statistik kemalangan Jalanraya disebabkan pengaruh dadah bagi kenderaan berat dan bas yang dikesan melalui sampel darah yang diambil setelah kemalangan berlaku bagi tahun 2103 dan 2014 seperti berikut:-

| JENIS KENDERAAN | 2013 | 2014 (JAN – APR) |
|------------------------|------|------------------|
| BAS | 0 | 0 |
| KENDERAAN MUATAN BESAR | 2 | 1 |

Bagi kes pemandu kenderaan berat yang memandu di bawah pengaruh dadah juga dikesan melalui ujian urin sebelum pemandu kenderaan awam memandu bas atau kenderaan awam tersebut yang dilakukan oleh pihak AADK. Pada tahun 2014,

sebanyak 9,353 ujian saringan awal telah dijalankan ke atas pemandu bas di terminal-terminal bas. Daripada jumlah ujian tersebut, seramai 30 orang telah dikesan positif dadah.

Bagi menjawab soalan (b), antara tindakan yang diambil untuk mengelakkan kemalangan berlaku yang melibatkan pemandu yang mengambil dadah seperti berikut:-

- i) Perancangan dan tindakan Kementerian melalui PDRM dalam menangani isu kemalangan jalan raya masih tertumpu kepada pendekatan 4E, iaitu *Enforcement, Education, Engineering* dan *Emergency Care & First Aid*. Bagi PDRM, elemen 4E yang menjadi fokus ialah *Enforcement*. PDRM akan melaksanakan operasi secara berterusan untuk mengesan pemandu yang dipengaruhi oleh dadah.
- ii) Program penguatkuasaan holistik secara bersepadu antara agensi khususnya bagi memastikan orang ramai tidak keliru mengenai tindakan berasingan antara agensi seperti JPJ, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Kerja Raya, Cawangan Narkotik PDRM dan beberapa agensi lain yang berkaitan.

Menyedari hakikat ini, PDRM tidak sama sekali berputus asa dan akan terus berusaha mendidik pengguna jalan raya agar mematuhi undang-undang dan peraturan jalan raya melalui pendekatan penguatkuasaan berhemah serta kolaborasi

merentasi Kementerian. Selain menumpukan kepada elemen ***ENFORCEMENT***, PDRM turut terlibat dalam proses menambahbaik isu-isu perundangan, kejuruteraan dan pendidikan.